

Pesawah Sungai Besar nikmati pengairan sempurna

» Program tanaman padi lebih baik, hasil kawasan barat laut Selangor mampu ditingkat

Oleh Mohd Shukor Amin
bhnews@bh.com.my

► Sungai Besar

Seramai 350 pesawah di sini, bakal menikmati kemudahan pengairan lebih sempurna untuk tanaman padi masing-masing, selepas kerja naik taraf sistem saliran Sungai Panjang Fasa Satu, siap sepenuhnya menjelang akhir tahun depan.

Kerja naik taraf di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) barat laut Selangor bernilai RM4.7 juta itu membabitkan pemulihan terusan Sungai Panjang,

pembinaan saliran penyambung, naik taraf dan pembinaan tali air serta baik pulih jalan ladang.

Timbalan Menteri Perusahaan

Perladangan dan Komoditi, Datuk Noriah Kasnon, berkata kerja naik taraf pengairan Sungai Panjang itu diharap dapat membantu pesa-

wah melaksanakan penanaman padi dengan lebih baik seterusnya meningkatkan hasil tanaman.

“Berdasarkan kerja mengikut



Noriah (kiri) dan Budiman (dua dari kiri) melawat rumah Pam Bagan Terap pada majlis pecah tanah projek di Rumah Pam Bagan Terap Parit 13, Sungai Besar.

[FOTO MOHD SHUKOR MOHD AMIN / BH]

skop yang ditetapkan itu, pesawah dijangka menerima air yang mencukupi dan berkualiti selepas kerja naik taraf itu selesai dijalankan kelak.

Keprihatinan Kerajaan Pusat

“Pelaksanaan projek ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan Pusat dalam menjaga kebajikan rakyat terutama golongan petani dan penternak,” katanya pada majlis pecah tanah projek itu di Rumah Pam Bagan Terap Parit 13 di sini.

BH difahamkan, ketika ini pelbagai isu dihadapi sekitar pesawah IADA termasuk kekurangan air serta bekalan kurang berkualiti kerana keladak tebal di dasar saliran menyebabkan 93 hektar sawah padi di kawasan ini terpaksa ditanam mengikut jadual giliran.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Panjang, Budiman Mohd Zohdi, berkata semua pihak seharusnya memanfaatkan hasil kerja naik taraf pengairan Sungai Panjang itu.

Beliau berharap kontraktor yang dilantik juga memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat atau menggunakan sumber tempatan bagi memastikan projek ini memberi manfaat kepada lebih ramai penduduk.

“Projek ini perlu ada nilai tambah. Selain untuk kemudahan petani, penduduk boleh mengembangkan produk plancongan alam semula jadi termasuk mengadakan pertandingan memancing di kawasan pengairan, aktiviti berkayak dan sebagainya yang boleh menjana pendapatan,” katanya.